

Bil. S 60

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PEMEGANG PAJAK GADAI, 2002

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Naskhah dalam bahasa Melayu hendaklah terpakai.
4. Pengecualian hak mutlak.
5. Pengenaan.
6. Bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Syariah.
7. Lantikan pegawai melesen.
8. Pengeluaran lesen.
9. Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai tanpa lesen.
10. Pembatalan lesen.
11. Perjanjian gadaian.
12. Pemegang pajak gadai hendaklah memberi surat gadai.
13. Jumlah pinjaman dan tempoh penebusan.
14. Rekod perjanjian gadaian.
15. Kewajipan-kewajipan am pemegang pajak gadai.
16. Penyimpanan yang selamat barang yang digadaikan.
17. Tempat pemegang pajak gadai hendaklah ditanda dengan nyata.
18. Perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat.

19. Tanggungjawab-tanggungjawab pemegang pajak gadai.
20. Barang-barang yang ditawarkan untuk digadaikan dalam keadaan yang menimbulkan syak.
21. Tanggungan pemegang pajak gadai.
22. Pengenaan kepada wasi-wasi dsb. bagi pemegang pajak gadai.
23. Keuntungan-keuntungan dan faedah-faedah.
24. Larangan melupuskan atau mengambil semula barang yang digadaikan.
25. Lanjutan hak-hak, kuasa-kuasa dan faedah-faedah.
26. Kehilangan surat gadai.
27. Kegagalan membayar balik pinjaman.
28. Lelong berhubung dengan barang-barang gadaian yang tidak ditebus.
29. Polis hendaklah memberi maklumat kepada pemegang pajak gadai mengenai harta curian.
30. Kuasa menggeledah.
31. Hukuman.
32. *Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan lain.
33. Pindaan Jadual.
34. Aturan-aturan.
35. Peralihan.
36. Pindaan Penggal 106.
37. Pemansuhan Penggal 63.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PEMEGANG PAJAK GADAI, 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah ceraiian (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah bagi mengatur perniagaan pemegang pajak gadai menurut *Hukum Syara'*".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"*Hukum Syara'*" bermakna hukum-hukum menurut mana-mana mazhab yang sah pada pendapat Mahkamah;

"lesen" bermakna suatu lesen bagi perniagaan pemegang pajak gadai yang diberikan di bawah Perintah ini;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan;

"pegawai melesen" bermakna pegawai melesen yang dilantik di bawah bab 7;

"pemegang pajak gadai" bermakna mana-mana orang yang, di bawah lesen yang sah, menjalankan urusan menerima barang-barang daripada penggadai sebagai cagar dan memberi pinjaman kepadanya di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini;

"penggadai" bermakna orang yang menghantar suatu barang kepada pemegang pajak gadai sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman daripadanya.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggagal 4), hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadanya dalam Akta itu setakat yang ia tidak bercangah dengan *Hukum Syara'*.

(3) Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul dalam memberi takrifan sebarang perkataan atau ungkapan berkaitan dengan *Hukum Syara'*, maka adalah menjadi budi bicara Mahkamah-Mahkamah Syariah untuk menentukan makna perkataan atau ungkapan tersebut.

Naskhah dalam bahasa Melayu hendaklah terpakai.

3. Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak mana-mana peruntukan di bawah Perintah ini, naskhah dalam bahasa Melayu hendaklah terpakai.

Pengecualian hak mutlak.

4. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Perintah ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak mutlak dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua Ugama bagi Negara Brunei Darussalam.

Pengenaan.

5. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada semua orang sama ada orang yang beragama Islam atau tidak.

Bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Syariah.

6. Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada mahkamah, selain dari sesebuah mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184), boleh mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah.

Lantikan pegawai melesen.

7. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik seorang pegawai awam untuk menjadi pegawai melesen bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pegawai melesen hendaklah bertanggungjawab pada amnya terhadap pelaksanaan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan pemungutan bayaran.

Pengeluaran lesen.

8. (1) Mana-mana orang boleh, setelah bayaran permohonan \$100 dibayar, memohon kepada pegawai melesen untuk suatu lesen di bawah Perintah ini.

(2) Pegawai melesen boleh mengeluarkan lesen dengan syarat-syarat dan terma-terma seperti yang difikirkannya sesuai untuk menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai.

(3) Lesen-lesen hendaklah dikeluarkan pada tiap-tiap tahun dan bayaran sebanyak \$1,000 hendaklah dikenakan bagi setiap lesen.

(4) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Menteri dari keputusan pegawai melesen di bawah bab ini.

Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai tanpa lesen.

9. Tiada sesiapa pun boleh menjalankan suatu perniagaan pemegang pajak gadai melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen.

Pembatalan lesen.

10. (1) Pegawai melesen boleh membatalkan mana-mana lesen tanpa memberikan suatu alasan, tetapi pembatalan tersebut hendaklah tidak menjejaskan kewajipan serta tanggungan pemegang pajak gadai di bawah Perintah ini.

(2) Jika suatu pembatalan telah dibuat, pemegang lesen hendaklah berhenti dari menjalankan perniagaan pajak gadai.

(3) Ceraian (2) hendaklah tidak menjejaskan penguatkuasaan oleh mana-mana orang akan sebarang hak atau tuntutan terhadap atau oleh pemegang pajak gadai akan sebarang hak atau tuntutan terhadap mana-mana orang yang berbangkit dari atau mengenai sebarang perkara atau hal yang dilakukan sebelum pembatalan lesen itu.

(4) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Menteri dari keputusan pegawai melesen di bawah bab ini.

Perjanjian gadaian.

11. Mana-mana pemegang pajak gadai yang menerima barang yang berharga daripada penggadai dengan cara jaminan dan memberinya sejumlah wang sebagai pinjaman dengan memastikan pembayaran balik pinjaman tersebut, atau mana-mana bahagiannya daripada barang tersebut serta berjanji mengembalikannya kepada penggadai sebaik sahaja bayaran semula pinjaman dan bayaran lain telah dibayar hendaklah disifatkan sebagai telah membuat perjanjian gadaian di bawah Perintah ini.

Pemegang pajak gadai hendaklah memberi surat gadai.

12. Pemegang pajak gadai setelah mengambil suatu barang sebagai gadaian hendaklah memberi kepada penggadai tersebut satu surat gadai, dan pemegang pajak gadai tersebut tidaklah boleh mengambil suatu barang sebagai gadaian melainkan jika penggadai tersebut mengambil surat gadai itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 1 di dalam Jadual Kedua.

Jumlah pinjaman dan tempoh penebusan.

13. Jumlah pinjaman yang berkaitan dengan mana-mana satu barang hendaklah tidak melebihi \$5,000 dan boleh ditebus balik dalam tempoh satu tahun dari hari mengadai, sama ada secara tunai atau beransur-ansur.

Rekod perjanjian gadaian.

14. Pemegang pajak gadai hendaklah menyimpan rekod dengan sempurna semua perjanjian berkaitan dengan barang-barang yang digadaikan kepadanya di bawah Perintah ini.

Kewajipan-kewajipan am pemegang pajak gadai.

15. Setiap pemegang pajak gadai hendaklah —

(a) sebelum mengambil mana-mana barang sebagai gadaian, mencatat dengan nyata dan jelas dalam sebuah buku yang patut disimpan dan ditandatangani olehnya dalam bentuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 2 di dalam Jadual Kedua;

(b) mendapatkan tandatangan penggadai, pemilik (jika ada) dan penjamin (jika ada) terhadap butir-butir yang dicatat di bawah perenggan (a);

(c) atas permintaan dari mana-mana pegawai polis pada bila-bila masa mengemukakan untuk pemeriksaan semua buku yang disimpan olehnya bagi maksud-maksud perniagaannya.

Penyimpanan yang selamat barang yang digadaikan.

16. Pemegang pajak gadai hendaklah menyimpan barang yang digadaikan itu di dalam cara di mana barang tersebut tidak akan susut harga disebabkan oleh atau melalui kecuaiannya, kelalaiannya atau kelakuan buruknya secara sengaja.

Tempat pemegang pajak gadai hendaklah ditanda dengan nyata.

17. Setiap pemegang pajak gadai hendaklah menampalkan di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam bangunan satu papan yang menunjukkan perkataan "Pemegang Pajak Gadai Berlesen" dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat.

18. (1) Pemegang pajak gadai boleh, sebagai tambahan kepada jumlah pinjaman, menerima daripada penggadai pada kadar-kadar yang ditentukan dalam Jadual Pertama sebagai perbelanjaan pentadbiran dan sebagai bayaran yang dibuat berkaitan dengan penyimpanan dengan selamat barang yang digadai itu serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dan hendaklah memberi suatu resit pembayaran mengenainya kepada penggadai.

(2) Setiap pemegang pajak gadai hendaklah menampalkan di suatu tempat yang mudah dilihat, satu salinan yang mudah dibaca dalam bahasa Melayu dan Inggeris, mengenai dengan kadar-kadar perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat yang boleh diambilnya dengan cara yang sah di bawah Perintah ini.

Tanggungjawab-tanggungjawab pemegang pajak gadai.

19. (1) Pemegang pajak gadai tidaklah boleh —

(a) mengambil suatu barang sebagai gadaian daripada mana-mana orang yang didapatinya mabuk atau tidak berupaya;

(b) membeli atau mengambil sebagai gadaian atau menukarkan sesuatu surat gadai yang dikeluarkan oleh pemegang pajak gadai yang lain;

(c) menahan mana-mana barang semasa dalam gadaian dengannya untuk ditebus dengan niat ia membelinya;

(d) membuat sebarang perjanjian dengan mana-mana orang yang menggadai atau menawarkan untuk menggadai mana-mana barang atau dengan pemilik barang tersebut bagi pembelian, jualan atau penyelesaiannya dalam waktu penebusan;

(e) menjual, menggadai atau sebaliknya menyelesaikan mana-mana barang gadaian yang digadaikan kepadanya kecuali jika pada waktu dan dengan cara yang dibenarkan oleh Perintah ini;

(f) berpura-pura membeli (kecuali dilelongkan) mana-mana barang gadaian semasa dalam gadaian dengannya.

(2) Dalam bab ini, "tidak berupaya" termasuk kanak-kanak yang belum *baligh*, mana-mana orang yang tidak siuman atau gila dan orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya mengikut *Hukum Syara'*.

Barang-barang yang ditawarkan untuk digadaikan dalam keadaan yang menimbulkan syak.

20. Jika mana-mana orang dalam keadaan yang menimbulkan syak menawarkan mana-mana barang sebagai gadaian kepada seseorang pemegang pajak gadai, atau jika mana-mana orang tanpa mempunyai surat gadai yang sah cuba untuk menebus suatu barang gadaian dan pemegang pajak gadai mempunyai alasan untuk mengesyaki percubaan tersebut, maka adalah menjadi kewajipan pemegang pajak gadai tersebut untuk membuat pertanyaan yang munasabah mengenai orang itu dan barang-barang tersebut atau surat gadai itu, dan pemegang pajak gadai tersebut hendaklah selepas itu melaporkan perkara itu kepada polis.

Tanggungjawab pemegang pajak gadai.

21. (1) Pemegang pajak gadai hendaklah tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan barang yang digadaikan kecuali disebabkan oleh kecuaiannya, kelalaiannya atau kelakuan buruknya secara sengaja.

(2) Pemegang pajak gadai hendaklah bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan kepada barang yang digadaikan disebabkan oleh kecuaiannya, kelalaiannya atau kelakuan buruknya secara sengaja, dan penggadai berhak menurut kerugian daripada pemegang pajak gadai dengan memotongnya daripada jumlah pinjaman dan lain-lain bayaran yang kena dibayar oleh penggadai di bawah Perintah ini.

(3) Pemegang pajak gadai hendaklah memulangkan barang yang digadaikan itu kepada penggadai sebaik sahaja dia menerima jumlah pinjaman dan lain-lain bayaran yang kena dibayar di bawah Perintah ini.

Pengenaan kepada wasi-wasi dsb. bagi pemegang pajak gadai.

22. Peruntukan-peruntukan Perintah ini berkaitan dengan pemegang pajak gadai hendaklah diperluaskan kepada dan termasuk wasi-wasi atau pentadbir-pentadbir bagi pemegang pajak gadai yang telah meninggal dunia, kecuali bahawa seseorang wasi atau pentadbir harta pusakanya tidak akan bertanggung sendiri bagi mana-mana hukuman atau perlucutan hak, melainkan jika ia adalah disebabkan oleh kecuaiannya, kelalaiannya atau kelakuan buruknya secara sengaja.

Keuntungan-keuntungan dan faedah-faedah.

23. Penggadai adalah berhak ke atas keuntungan-keuntungan dan faedah-faedah yang diperolehi daripada barang yang digadaikan.

Larangan melupuskan atau mengambil semula barang yang digadaikan.

24. (1) Penggadai tidaklah berhak menjual atau menghadiahkan atau menjadikan *waqaf am* atau *waqaf khas* barang yang digadaikan itu atau mengambilnya semula sebelum selesai pembayaran jumlah pinjaman dan lain-lain bayaran yang kena dibayar di bawah Perintah ini.

(2) Dalam bab ini —

"*waqaf am*" bermakna penyerahan modal atau pendapatan harta benda secara kekal bagi maksud-maksud ugama atau khairat yang diakui oleh *Hukum Syara'* dan harta benda yang diserahkan demikian;

"*waqaf khas*" bermakna penyerahan modal harta benda secara kekal bagi maksud-maksud ugama atau khairat yang diakui oleh *Hukum Syara'*, dan harta benda yang diserahkan demikian dengan pendapatan dari harta benda itu dibayar kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditentukan dalam *waqaf*.

Lanjutan hak-hak, kuasa-kuasa dan faedah-faedah.

25. Hak-hak, kuasa-kuasa dan faedah-faedah yang diberikan kepada penggadai oleh Perintah ini hendaklah disifatkan telah diberikan kepada pemegang harta kepada penggadai-penggadai tersebut dan kepada wasi-wasi dan pentadbir-pentadbir penggadai yang telah meninggal dunia:

Dengan syarat bahawa orang tersebut hendaklah menunjukkan kepada pemegang pajak gadai penyerahan hak, probet atau surat kuasa mentadbir harta pusaka, atau lain-lain suratcara di mana tuntutan itu dibuat.

Kehilangan surat gadai.

26. Mana-mana orang yang mengaku menjadi pemilik suatu barang gadaian yang tidak dapat mengemukakan surat gadaian boleh membuat suatu ikrar dan selepas itu orang itu hendaklah mempunyai di antara dirinya dan pemegang pajak gadai hak-hak dan remedi-remedi yang sama seolah-olah dia telah mengemukakan surat gadai.

Kegagalan membayar balik pinjaman.

27. (1) Tertakluk kepada cerai (2), jika penggadai gagal membayar balik pinjaman setelah habis tempoh 6 bulan dari tempoh satu tahun yang disebutkan dalam bab 13, pemegang pajak gadai hendaklah, dengan kebenaran Mahkamah, menjual atau melelong barang yang digadaikan, setelah memberikan kepada penggadai dan orang ramai notis yang munasabah mengenai penjualan atau lelongan itu, atau hendaklah melupuskannya dengan cara lain dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh mahkamah.

(2) Jika hasil penjualan atau lelongan yang disebutkan dalam cerai (1) itu adalah kurang daripada jumlah hutang yang ditanggung oleh penggadai, penggadai masih bertanggung untuk membayar baki hutang tersebut. Jika hasil jualan atau lelongan melebihi daripada jumlah yang terhutang, pemegang pajak gadai hendaklah membayar lebihan tersebut kepada penggadai tertakluk kepada cerai (1) bab 18.

(3) Dalam bab ini, "Mahkamah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah cerai (1) bab 6 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggai 184).

Lelong berhubung dengan barang-barang gadaian yang tidak ditebus.

28. (1) Lelong-lelong bagi barang-barang gadaian yang tidak ditebus hendaklah diadakan tidak kurang dari 4 kali setiap tahun di tempat dan pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis olehnya.

(2) Setiap pemegang pajak gadai hendaklah, sekurang-kurangnya 7 hari sebelum lelong tersebut, menampalkan di suatu tempat yang mudah dilihat satu senarai barang-barang gadaian yang dimaksudkan untuk dilelong, dan barang-barang gadaian sedemikian hendaklah dipamerkan kepada awam sekurang-

kurangnya 3 hari sebelum lelong tersebut di sebuah balai polis atau tempat lain yang ditetapkan oleh Menteri atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis olehnya.

(3) Setiap pemegang pajak gadai hendaklah, dalam masa 7 hari dari tarikh lelong tersebut, menghantar suatu pernyataan yang menunjukkan hasil-hasil dari lelong tersebut kepada Pesuruhjaya Polis yang menyebabkan pernyataan tersebut dipamerkan di tempat yang mudah dimasuki oleh orang ramai.

(4) Setiap pemegang pajak gadai hendaklah menyenggara buku bagi barang yang tidak ditebus sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 3 di dalam Jadual Kedua.

Polis hendaklah memberi maklumat kepada pemegang pajak gadai mengenai harta curian.

29. (1) Maklumat mengenai harta yang hilang, dicuri atau sebaliknya dilupuskan secara tipuan hendaklah diberikan oleh Pesuruhjaya Polis sebaik sahaja selepas kehilangan atau penipuan tersebut, kepada semua pemegang pajak gadai dengan senarai-senarai dan keterangan-keterangan harta tersebut.

(2) Jika mana-mana harta bersesuaian dengan senarai-senarai dan keterangan-keterangan tersebut ada dimiliki oleh mana-mana pemegang pajak gadai atau selepas itu ditawarkan atau ditunjukkan kepada mana-mana pemegang pajak gadai, dia hendaklah dengan serta-merta memberi maklumat mengenai perkara tersebut ke balai polis yang berdekatan atau kepada mana-mana pegawai polis berserta dengan nama dan alamat orang yang kali terakhir dilihat memiliki harta tersebut.

Kuasa menggeledah.

30. Mana-mana pegawai polis boleh memasuki mana-mana tempat perniagaan pemegang pajak gadai pada bila-bila waktu semasa waktu-waktu perniagaan dan boleh menggeledah tanpa waran rumah atau tempat perniagaan atau bangunan pemegang pajak gadai tersebut bagi mana-mana barang yang dia mungkin mempunyai sebab untuk mengesyaki berada di dalamnya dan sebagai telah diperolehi dengan cara tidak jujur, atau ditempatkan di dalamnya dengan cara yang tidak jujur dan untuk menggeledah dan memeriksa buku-buku pemegang pajak gadai dan untuk mengambil keratan-keratan dan salinan-salinan dari buku-buku tersebut.

Hukuman.

31. (1) Mana-mana pemegang pajak gadai atau penggadai yang secara sengaja memberi maklumat palsu, membuat mana-mana pernyataan tipuan di dalam apa

juga perkara yang berkaitan dengan perjanjian gadaian atau melanggar sebarang peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana pemegang pajak gadai yang, bertentangan dengan Perintah ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawah ini —

(a) melakukan mana-mana perbuatan atau hal yang dia dilarang untuk melakukannya; atau

(b) gagal melakukan mana-mana perbuatan atau hal yang dia diarahkan untuk melakukannya,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah cerai (1) atau (2) boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun.

***Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan lain.**

32. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syara'* adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan.

(2) Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukan dengan nyata di dalam Perintah ini atau sebarang aturan yang dibuat di bawahnya, Mahkamah hendaklah mengikut *Hukum Syara'*.

Pindaan Jadual.

33. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* boleh meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

Aturan-aturan.

34. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan bagi menetapkan —

(a) bentuk dan terma-terma dan syarat-syarat pemberian lesen;

(b) prosedur perniagaan pajak gadai;

(c) cara dalam mana jualan-jualan atau lelongan di bawah Perintah ini dikendalikan;

(d) pada amnya untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan tujuan Perintah ini, termasuk peruntukan-peruntukan yang bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Peralihan.

35. (1) Mana-mana lesen yang dikeluarkan kepada mana-mana pemegang pajak gadai di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai (Penggai 63) (dimansuhkan oleh Perintah ini) sebelum tarikh permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan utama Perintah ini dan yang masih berkuatkuasa pada tarikh itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah lesen itu telah dikeluarkan di bawah Perintah ini.

(2) Mana-mana urusan pajak gadai yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan utama Perintah ini hendaklah diteruskan menurut dan terikat oleh peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Pajak Gadai (Penggai 63) (dimansuhkan oleh Perintah ini).

Pindaan Penggal 106.

36. Akta kontrak adalah dipinda –

(a) dengan memotong tajuk "BAILMENTS OF PLEDGES" yang tertera sebelum bab 125;

(b) dengan memansuhkan bab-bab 125 hingga 132.

Pemansuhan Penggal 63.

37. Akta Pemegang Pajak Gadai (Penggai 63) dan semua undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

bab 18(1)

Perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat –

Atas mana-mana pinjaman yang tidak melebihi \$1,000	-	4% dari jumlah pinjaman
Atas mana-mana pinjaman yang tidak melebihi \$3,000	-	4½% dari jumlah pinjaman
Atas mana-mana pinjaman yang tidak melebihi \$5,000	-	5% dari jumlah pinjaman

JADUAL KEDUA

BORANG 1

bab 12

SURAT GADAI

No. surat gadai:	Nama/alamat pemegang pajak gadai:
<i>Pawn ticket no.</i>	<i>Name/address of pawnbroker</i>
Tarikh gadaian:	
<i>Date of pawn</i>	
Tarikh penebusan:	
<i>Date of redemption</i>	
Nama penggadai:	
<i>Name of pawner</i>	
No./warna Kad Pengenalan:	
<i>No./colour of Identity Card</i>	
Jumlah pinjaman:	
<i>Amount of loan</i>	
Jumlah perbelanjaan pentadbiran & bayaran bagi penyimpanan dengan selamat:	
<i>Amount of administrative expenses and fees for safe-keeping</i>	
Barang gadaian & keadaannya:	
<i>Pawned article and its condition</i>	
.....
Tandatangan penggadai <i>Signature of pawner</i>	Tandatangan dan cap pemegang pajak gadai <i>Signature and chop of pawnbroker</i>

BORANG 2

bab 15(a)

BUKU GADAI

BUTIR-BUTIR PENGGADAI <i>PARTICULARS OF PAWNER</i>	
1	Nama <i>Name</i>
2	Nombor/warna Kad Pengenalan <i>Number/colour of Identity Card</i>
3	Alamat <i>Address</i>
4	Tandatangan <i>Signature</i>

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BORANG 2 – (sambungan)

BUTIR-BUTIR PEMILIK, JIKA LAIN DARIPADA PENGGADAI <i>PARTICULARS OF OWNER, IF DIFFERENT FROM PAWNER</i>		
5	Nama <i>Name</i>	
6	Nombor/warna Kad Pengenalan <i>Number/colour of Identity Card</i>	
7	Alamat <i>Address</i>	
8	Tandatangan <i>Signature</i>	
BUTIR-BUTIR PENJAMIN <i>PARTICULARS OF SURETY</i>		
9	Nama <i>Name</i>	
10	Nombor/warna Kad Pengenalan <i>Number/colour of Identity Card</i>	
11	Alamat <i>Address</i>	
12	Tandatangan <i>Signature</i>	
BUTIR-BUTIR BARANG GADAIAN <i>PARTICULARS OF ARTICLES</i>		
13	Nombor gadaian <i>Number of pawn</i>	
14	Tarikh gadaian <i>Date of pawn</i>	
15	Jumlah pinjaman <i>Amount of loan</i>	
16	Keadaan barang gadaian <i>Condition of article</i>	
17	Jumlah perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat <i>Amount of administrative expenses and fees for safe-keeping</i>	
18	Tarikh penebusan <i>Date of redemption</i>	

BORANG 3

bab 28(4)

BUKU BARANG YANG TIDAK DITEBUS

No. gadaian /nama penggadai <i>No. of pawn/ name of pawner</i>	No. KP IC No.	Tarikh gadaian <i>Date of pawning</i>	Keadaan barang gadaian <i>Condition of article</i>	Jumlah pinjaman <i>Amount of loan</i>	Jumlah perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat <i>Amount of administration expenses and fees for safe- keeping</i>	Tarikh notis mengenai jualan/lelongan <i>Date of notice of sales/auction</i>	Tarikh jualan/ lclongan <i>Date of sale/ auction</i>	Jumlah barang jualan/ lelongan <i>Amount of article sold/ auctioned</i>	Lebih jumlah yang terhutang <i>Surplus of amount due</i>

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 12 haribulan November, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM